

Penyampai : DATIN SERI JEANNE BINTI ABDULLAH
Tajuk : UCAPAN PERASMIAN MESYUARAT AGONG BAKTI KE32
Lokasi : BANGUNAN BAKTI SITI HASMAH
Tarikh : 18-03-2009

1. KAMI BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBHA NAHUWATAALA KERANA DENGAN IZINNYA JUA KITA SEMUA DAPAT BERSAMASAMA DI MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG BAKTI KALI KE 32 PETANG INI.

2. TERIMA KASIH JUGA SAYA UCAPKAN KEPADA YANG BERBAHAGIA DATUK PROFESOR AMINAH AYOB KERANA HADIR UNTUK MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG KALI INI. KEHADIRAN YANG BERBAHAGIA DATUK AMAT BERMAKNA KEPADA KAMI.

3. SYUKUR ALHAMDULILLAH SEPANJANG TAHUN 2008 BANYAK AKTIVITI DAN PROGRAM BAKTI TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN. SAYA BERASA GEMBIRA KERANA PROJEK KHAS SEMAI BAKTI YANG BERTUJUAN UNTUK MEMBANTU O.K.U DI P.D.K-P.D.K TELAH DIPERLUASKAN DI SELURUH NEGARA. INI MERUPAKAN SATU PENCAPAIAN YANG MEMBANGGAKAN KAMI SEMUA DI BAKTI.

4. MANAKALA PROGRAM ANAK ANGKAT BAKTI PULA TELAH DITUKAR KEPADA PROGRAM DERMASISWA BAKTI. MELALUI PROGRAM BARU INI PELAJAR-PELAJAR DARIPADA GOLONGAN KELUARGA YANG BERPENDAPATAN RENDAH TELAH MENERIMA BANTUAN KEWANGAN UNTUK MENAMPUNG PELAJARAN MEREKA.

5. BAKTI JUGA TURUT MEMPERKEMASKAN PROJEK MALAYSIAN INFORMATION NETWORK ON DISABILITY. PROGRAM INI AKAN TERUS DI PERTINGKATKAN LAGI UNTUK MEMBERI KESAN YANG LEBIH KEPADA MASYARAKAT.

6. DI PERINGKAT AHLI PULA PELBAGAI AKTIVITI SEPERTI KEBUDAYAAN KEAGAMAAN SUKAN PENERBITAN DAN LAWATAN TELAH DIADAKAN UNTUK MEMBERI ILMU PENGETAHUAN DAN MANAFAAT KEPADA AHLI.

7. SAYA BERASA AMAT GEMBIRA KERANA PADA TAHUN LALU BAKTI TELAH MELANCARKAN BUKU COFFEE TABLE DAN ALBUM BAKTI DALAM MAJLIS MAKAN MALAM BAKTI SEMPENA ULANGTAHUN KE30.

8. HARAPAN SAYA BUKU INI AKAN MENJADI SEBAGAI BAHAN RUJUKAN BAGI

SEMUA AHLI-AHLI BAKTI TERUTAMANYA AHLI-AHLI YANG BARU MENGENAI PERKEMBANGAN YANG BERLAKU DALAM BAKTI SELAMA 30 TAHUN.

9. MALAHAN SETIAP KALI LAWATAN KE LUAR NEGARA MENGIRINGI PERDANA MENTERI SAYA AKAN MEMBAWA BERSAMA BUKU COFFEE TABLE INI SEBAGAI CENDERAMATA KEPADA ISTERI PEMIMPIN-PEMIMPIN LUAR NEGARA.

10. JUSTERU SAYA JUGA BERHARAP AHLI-AHLI BAKTI MENGAMBIL PELUANG APABILA MENGIKUTI SUAMI KE LUAR NEGARA UNTUK MEMBAWA BUKU INI SEBAGAI CENDERAMATA DAN MEMPERKENALKAN KEUNIKAN DAN KEISTIMEWAAN BAKTI.

11. PADA TAHUN 2008 PROGRAM TAHUNAN ISTERI WAKIL RAKYAT BARISAN NASIONAL SEMALAYSIA TELAH MELAKSANAKAN PENDEKATAN BARU IAITU MENGADAKAN SEMINAR MENGENAI WANITA DAN KANAK-KANAK SEBAGAI SALAH SATU PROGRAM.

12. SAYA YAKIN SEDIKIT SEBANYAK PENDEKATAN BARU INI TELAH MEMBERI PELUANG KEPADA PESERTA UNTUK MENGENALI BUDAYA MASYARAKAT SETEMPAT BERTUKAR-TUKAR FIKIRAN DAN PENDAPAT SERTA MENINGKATKAN INTERAKSI ANTARA ISTERI PEMIMPIN PUSAT DAN NEGERI.

13. BAKTI JUGA TURUT MERASAI PENDERITAAN DAN KESENGSARAAN ANAK-ANAK DI GAZA YANG MENJADI MANGSA KEZALIMAN TENTERA ZIONIS. SEHUBUNGAN ITU PADA 19 FEBRUARI YANG LALU BAKTI BERSAMA-SAMA DENGAN PUSPANITA PERKEP DAN BAKAT TELAH BEKERJASAMA DENGAN UNICEF MENGANJURKAN HUMANITARIAN FUND FOR THE CHILDREN OF GAZA YANG TELAH DILANCARKAN OLEH YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI.

14. TABUNG INI DIADAKAN BERTUJUAN MENGUTIP SUMBANGAN UNTUK ANAK-ANAK GAZA KHASNYA DALAM MEMBANTU PENDIDIKAN MEREKA. SAYA PERCAYA SUMBANGAN YANG DIHULURKAN INI AKAN MEMBERI ERTI YANG MENDALAM KEPADA ANAK-ANAK MANGSA PEPERANGAN INI.

15. BARU-BARU INI BAKTI TELAH MENGADAKAN PROGRAM MENANAM POKOK DI HUTAN KITA-KIARA DAN TELAH MENDAPAT SAMBUTAN YANG MENGGALAKKAN DARIPADA AHLI-AHLI BAKTI. PADA 13 MAC LALU BEBERAPA POKOK TELAH DITANAM KHUSUS UNTUK SEMUA PENAUNG DAN YANG DIPERTUA BAKTI SEBELUM INI.

16. SAYA BERHARAP LEBIH RAMAI AHLI BAKTI YANG BELUM MENANAM POKOK AKAN MENYERTA PROGRAM INI DALAM USAHA UNTUK MEMBERI KESEDARAN KEPADA MASYARAKAT BETAPA PENTINGNYA MEMELIHARA DAN MEMULIHARA HUTAN UNTUK

GENERASI KITA YANG AKAN DATANG.

17. INI MERUPAKAN ANTARA AKTIVITI UTAMA BAKTI YANG BERJAYA DILAKSANAKAN DALAM TEMPOH DUA TAHUN INI.

18. SAYA MEMPUNYAI HARAPAN YANG TINGGI BAHAWA BAKTI AKAN MENERUSKAN LEGASINYA UNTUK MENJADI SEBUAH BADAN AMAL YANG PRIHATIN DAN PENYAYANG TERUTAMANYA KEPADA GOLONGAN YANG MEMERLUKAN PERHATIAN DAN BANTUAN KITA.

19. SAYA YAKIN JUGA DENGAN ADANYA KERJASAMA YANG ERAT SERTA BEKERJA DENGAN PENUH SEMANGAT BERPASUKAN DAN KEKELUARGAAN BAKTI AKAN MENJADI SEBUAH BADAN AMAL YANG KUKUH DAN TEGUH. SEPERTI KATA PEPATAH MELAYU BERSATU KITA TEGUH BERCERAI KITA ROBOH.

20. SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN INI SAYA BERHARAP KEPIMPINAN BAKTI AKAN TERUS MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB YANG DIBERIKAN DENGAN PENUH DEDIKASI IKHLAS DAN AMANAH.

21. TAHNIAH DAN PENGHARGAAN JUGA KEPADA SEMUA AHLI JAWATANKUASA TADBIR DAN JAWATANKUASA KECIL YANG TELAH MEMPERLIHATKAN SEMANGAT SEPASUKAN DAN KEPIMPINAN YANG TINGGI DALAM MENJAYAKAN SEMUA AKTIVITI.

22. TERIMA KASIH JUGA KEPADA AHLI-AHLI BAKTI YANG TELAH MEMBERIKAN SOKONGAN DAN KERJASAMA YANG BAIK KEPADA SAYA SELAMA INI. SAYA YAKIN BAKTI AKAN MENERUSKAN TRADISI BEKERJA KERAS MENCURAHKAN TENAGA KE ARAH KECEMERLANGAN.

SEKIAN, WASSALAM MUALAIKUM WARAHMATULLAH HIWABARAKATUH. TERIMA KASIH